

الفقه

(للسنة الثانية)

**FIQH**  
(TING. 2)

## HUKUM SOLAT

### **Pengertian Solat**

Solat dari sudut bahasa : Berdoa (untuk kebaikan)

Dari segi istilah syara': Perkataan-perkataan dan perbuatan –perbuatan tertentu yang dimulai dengan takbiratul ihram dan disudahi dengan salam dengan syarat-syarat tertentu.

### **Perkataan yang wajib (dibaca) dalam solat**

Perkataan yang wajib (dibaca) dalam solat ada lima iaitu:

- 1- Takbiratul Ihram
- 2- Membaca surah al Fatihah
- 3- Membaca Tasyahud akhir
- 4- Membaca selawat ke atas nabi s.a.w
- 5- Memberi salam pertama

### **Perbuatan yang wajib (dilakukan) dalam solat**

Perbuatan yang wajib (dilakukan) dalam solat ada lapan iaitu:

- 1- Niat : kerana ia adalah perbuatan hati
- 2- Berdiri
- 3- Ruku'
- 4- I'tidal
- 5- Sujud
- 6- Duduk di antara dua sujud
- 7- Duduk tahiyat akhir
- 8- Tertib bagi setiap rukun

### **Sejarah difardhukan solat**

Difardhukan solat pada malam Isra' sebelum nabi saw berhijrah ke Madinah.

## أحكام الصلاة

### تعريف الصلاة

الصلاة لغة : الدعاء

وشرعا : أقوال وأفعال مفتوحة بالتكبير ومختتمة بالتسليم بشرائط.

### الأقوال في الصلاة

الأقوال الواجبة في الصلاة خمسة ، هي :

- |                     |                        |
|---------------------|------------------------|
| (١) تكبيرة الإحرام  | (٢) قراءة الفاتحة      |
| (٣) التشهد الأخير   | (٤) الصلاة على النبي ﷺ |
| (٥) التسليمة الأولى |                        |

### الأفعال في الصلاة

الأفعال الواجبة في الصلاة ثمانية ، هي :

- |                            |                        |
|----------------------------|------------------------|
| (١) النية ؛ لأنها عمل قلبي | (٢) القيام             |
| (٣) الركوع                 | (٤) الاعتدال           |
| (٥) السجود                 | (٦) الجلوس بين السجدين |
| (٧) الجلوس الأخير          | (٨) الترتيب للأركان    |

### تاريخ فرضيتها

فرضت الصلاة ليلة الإسراء قبل الهجرة

**Hukum Solat dan Dalilnya**

Hukum menunaikan solat adalah wajib ke atas setiap muslim lelaki dan perempuan.

Dalil disyariatkan solat sebelum disepakati oleh ulama' adalah seperti berikut:

- 1- Firman Allah s.w.t: *"Dirikanlah solat"*.
- 2- Sabda nabi s.a.w: *"Allah telah mewajibkan ke atasku dan umatku 50 waktu solat. Lalu aku berulang alik kepada-Nya dan meminta dikurangkan sehingga Allah menjadikannya hanya lima waktu solat sahaja"*.

**Hikmah pensyariatan Solat**

Solat adalah ibadah yang mana seorang hamba itu berada bersama dengan tuhanNya, bermunajat dan memujiNya, ikhlas kepadaNya, penuh dengan perasaan khusyuk dan merendah diri, memohon padaNya ketika rukuk dan sujud. Lalu Allah swt memperkenankan permintaan dan harapan hambaNya. Setelah selesai menunaikannya maka jiwanya penuh dengan perasaan redha dan Allah swt meredhainya.

**Solat yang difardhukan**

Solat yang difardhukan ke atas setiap muslim lelaki atau perempuan dalam sehari semalam sebanyak lima waktu solat iaitu:

- 1- **Zohor**: Dinamakan sedemikian kerana ia adalah solat pertama yang lahir dalam Islam.  
**Awal waktunya** adalah setelah gelincir matahari (ke arah barat)  
**Akhir waktunya** apabila bayang sesuatu objek menjadi sama dengan objek tersebut.

Waktu Solat Zohor terbahagi kepada 6 bahagian:

1. Waktu Fadhilah
2. Waktu Ikhtiar
3. Waktu harus tanpa makruh
4. Waktu Haram
5. Waktu Darurah
6. Waktu Uzur

**حکمتها ودلیلها**

حکم أداء الصلاة واجب على كل مسلم ومسلمة

ودلیل وجوبها قبل الإجماع ما يأتي :

(١) قوله تعالى : فَأَقِمْوْا الصَّلَاةَ<sup>١</sup>

(٢) قوله عليه الصلاة والسلام : " فرض الله عليّ وعلى أمّتي خمسين صلاةً فلم أزال أراجعته

وأسأله التخفيف حتى جعلها خمساً<sup>٢</sup>"

**حكمة مشروعيّتها :**

الصلاة عبادة يعيش فيها العبد مع ربه يناجيه ويثني عليه ، ويخلص فيها ويبتهل اليه في خشوع وذلة يدعوه في ركوعه وسجوده فيستجيب له مولاه ويعطيه سؤاله ومبتغاه، فيخرج منها وقد ملئت نفسه بالرضا عن الله ورضا الله عنه.

**الصلوات المفروضة**

الصلوات المفروضة على المكلف ذكرًا كان أو أنثى في كل يوم وليلة خمس صلوات، وهي :

(١) **الظهر** : سميت بذلك لأنها أول صلاة ظهرت في الإسلام.

**أول وقتها** : بعد زوال الشمس وميلها عن وسط السماء ، **وأخر وقتها** : إذا صار ظل كل شيء مثله.

ينقسم صلاة الظهر إلى **سنة أوقات**:

وقت فضيلة، وقت اختيار، وقت جواز بلا كراهة، وقت حرمة، وقت ضرورة، وقت

عذر

<sup>١</sup> سورة النساء : الآية ١٠٣  
<sup>٢</sup> رواه أحمد

2- **Asar**: Dinamakan sedemikian kerana masanya hampir dengan terbenam matahari.

**Awal waktunya** adalah bermula daripada bayang sesuatu objek lebih panjang daripada objek tersebut

**Akhir waktunya** ialah apabila terbenam seluruh bulatan matahari.

Waktu Solat Asar terbahagi kepada 7 bahagian:

1. Waktu Fadhilah
2. Waktu Ikhtiar
3. Waktu harus tanpa makruh
4. Waktu harus yang makruh
5. Waktu Haram
6. Waktu Darurah
7. Waktu Uzur

3- **Maghrib**: Dinamakan sedemikian kerana ianya dilakukan selepas terbenam matahari.

**Awal waktunya** adalah setelah terbenam seluruh bulatan matahari hingga hilang cahaya merah di ufuk.

4- **Isya'**: Dinamakan sedemikian kerana ianya dilakukan pada permulaan gelap malam (ini adalah maksud isya')

**Awal waktunya** adalah setelah hilang cahaya merah di langit

**Akhir waktunya** ialah apabila terbit fajar sodik.

Waktu Solat Isya' terbahagi kepada 7 bahagian:

1. Waktu Fadhilah
2. Waktu Ikhtiar
3. Waktu harus tanpa makruh
4. Waktu harus yang makruh
5. Waktu Haram
6. Waktu Darurah
7. Waktu Uzur

5- **Subuh**: Dinamakan sedemikian kerana ianya dilakukan pada permulaan waktu siang (ini adalah maksud subuh)

**Awal waktunya** adalah selepas terbit fajar sodik

**Akhir waktunya** ialah apabila terbit matahari.

Waktu Solat Subuh terbahagi kepada 6 bahagian:

1. Waktu Fadhilah
2. Waktu Ikhtiar
3. Waktu harus tanpa makruh
4. Waktu harus yang makruh
5. Waktu Darurah
6. Waktu Haram

(٢) العصر : سميت بذلك لمعاصرتها وقت الغروب

أول وقتها : وقت الزيادة على ظل كل المثل، وآخره : غروب الشمس بجميع قرصها.

ينقسم صلاة العصر إلى سبعة أوقات:

وقت فضيلة، وقت اختيار، وقت جواز بلا كراهة، وقت جواز بكرهة، وقت حرمة، وقت ضرورة، وقت عذر

(٣) المغرب: سميت بذلك لأدائها بعد الغروب

أول وقتها عقب غروب قرص الشمس كاملاً إلى مغيب الشفق الأحمر.

(٤) العشاء : سميت بذلك لأدائها في أول وقت الظلام (معنى العشاء)

أول وقتها : عقب وقت غياب الشفق الأحمر، وآخره : طلوع الفجر الصادق.

ينقسم صلاة العشاء إلى سبعة أوقات:

وقت فضيلة، وقت اختيار، وقت جواز بلا كراهة، وقت جواز بكرهة، وقت حرمة، وقت ضرورة، وقت عذر

(٥) الصبح : سميت بذلك لأنها لفعلاها في أول النهار (معنى الصبح)

أول وقتها : عقب طلوع الفجر الصادق، وآخره : طلوع الشمس.

ينقسم صلاة الصبح إلى ستة أوقات:

وقت فضيلة، وقت اختيار، وقت جواز بلا كراهة، وقت جواز بكرهة، وقت ضرورة، وقت حرمة

**Syarat wajib solat**

Syarat wajib solat ada empat perkara, iaitu:

1. Islam – maka tidak wajib ke atas orang kafir asal
2. Sampai umur dengan cara samapai usianya, bermimpi atau datang haid – maka tidak wajib ke atas kanak-kanak.
3. Berakal – maka tidak wajib ke atas orang gila, pitam, mabuk yang tidak sengaja.
4. Pancaendera yang sejahtera – maka tidak wajib ke atas orang yang lahir dalam keadaan buta serta pekak.
5. Suci daripada Haid dan Nifas - maka tidak wajib ke atas orang yang haid dan nifas
6. Sampai seruan Islam.

**Solat-solat Sunat**

**Pertama:** Solat-solat Sunat yang digalakkan melakukannya secara berjemaah ada lima :

1. Solat Hari Raya Puasa
2. Solat Hari Raya Haji
3. Solat Gerhana Matahari
4. Solat Gerhana bulan
5. Solat minta Hujan

**Kedua:** Solat-solat Sunat mengiringi solat fardu ada 17 rakaat :

1. Solat sunat Subuh 2 rakaat
2. Solat sunat sebelum Zohor 4 rakaat
3. Solat sunat selepas Zohor 2 rakaat
4. Solat sunat sebelum Asar 4 rakaat
5. Solat sunat selepas Maghrib 2 rakaat
6. Solat sunat selepas Isya' 3 rakaat, satu rakaat daripadanya adalah solat Witir

**شروط وجوب الصلاة**

شروط وجوب الصلاة ستة أشياء:

- (١) الإسلام – فلا تجب على كافر أصلي
- (٢) البلوغ بالسن أو بالاحتلام أو بالحيض – فلا تجب على صبي أو صبوية
- (٣) العقل – فلا تجب على مجنون ومغمي عليه وسكران غير متعد
- (٤) سلامة الحواس – فلا تجب على من خُلق أعمى وأصم
- (٥) النقاء من الحيض والنفاس – فلا تجب على حائض ونفساء
- (٦) بلوغ دعوة الإسلام

**الصلوات المسنونة**

**أولاً:** الصلوات المسنونات التي سن فيها الجماعة خمس:

- (٢/١) صلاة العيدين أي الفطر والأضحى،
- (٣) صلاة الكسوف للشمس
- (٤) صلاة الكسوف للقمر
- (٥) صلاة الاستسقاء.

**ثانياً:** السنن التابعة للفرائض، سبع عشرة ركعة:

- |                     |                                    |
|---------------------|------------------------------------|
| – ركعتا الفجر       | – أربع قبل الظهر                   |
| – ركعتان بعد الظهر  | – أربع قبل العصر                   |
| – ركعتان بعد المغرب | – ثلاث بعد العشاء يوتر بواحدة منهن |

**Solat Sunat Rawatib** (solat sunat mengiringi solat fardu) yang amat digalakkan selain daripada solat witir ialah 12 rakaat :

1. Solat sunat sebelum Subuh 2 rakaat
2. Solat sunat sebelum Zohor 2 rakaat
3. Solat sunat selepas Zohor 2 rakaat
4. Solat sunat selepas Maghrib 2 rakaat
5. sunat selepas Isya' 2 rakaat

**Ketiga** : Solat sunat muakkad yang berasingan

Tiga jenis solat sunat muakkad yang tidak mengiringi solat fardu :

1. Solat Tahajjud iaitu solat sunat selepas solat isya' yang dilakukan selepas tidur.
2. Solat Duha, Bilangan rakaat yang paling ringkas adalah dua rakaat. Bilangan yang paling baik dan paling banyak adalah 8 rakaat.
3. Solat Tarawih, ianya sunat dilakukan secara berjemaah dan dilakukan solat witir selepasnya. Bilangan solat Tarawih ialah 20 rakaat dengan 10 kali salam dan ianya dilaksanakan pada setiap malam bulan Ramadhan. Seseorang itu perlu niat solat Tarawih atau niat Qiam Ramadhan pada setiap 2 rakaat.

**Solat sunat yang lain** , antaranya:

1. Solat Tahiyatul Masjid selain daripada masjid al Haram
2. Solat sunat Ihram 2 rakaat
3. Solat sunat Tawaf 2 rakaat
4. Solat sunat Wuduk 2 rakaat
5. Solat sunat Awwabin, dinamakan juga solat Ghafilah. ianya dilaksanakan selepas solat Maghrib, paling sedikit 2 rakaat dan paling banyak 20 rakaat.

الرواتب المؤكدة من ذلك كله غير الوتر عشر ركعات:

- ركعتان قبل الصبح
- ركعتان بعد الظهر
- ركعتان بعد المغرب
- ركعتان بعد العشاء.

ثالثا: النوافل المؤكدة المستقلة

ثلاث نوافل مؤكدة غير تابعة للقرائن، وهي:

- ١- التهجيد، وهو صلاة بعد صلاة العشاء وبعد نوم.
- ٢- صلاة الضحى، وأقلها ركعتان وأفضلها وأكثرها ثماني ركعات.
- ٣- صلاة التراويح، وتسبب الجماعة فيها وفي الوتر بعدها، وهي عشرون ركعة بعشر تسليمات في كل ليلة من شهر رمضان، وينوي الشخص بكل ركعتين سنة التراويح أو سنة قيام رمضان.

هناك سنن أخرى منها:

- ١- تحية المسجد غير المسجد الحرام.
- ٢- ركعتا الإحرام.
- ٣- ركعتا الطواف.
- ٤- ركعتا الوضوء.
- ٥- صلاة الأوابين: وتسمى صلاة الغفلة، وهي بعد صلاة المغرب، وأقلها ركعتان، وأكثرها عشرون ركعة .

**Syarat sah solat**

Syarat dari sudut bahasa ialah *Tanda*

Dari sudut istilah syara': Perkara yang menjadi asas sahnya solat dan ia bukan sebahagian daripada solat.

Syarat sah solat yang ditunaikan itu ada 7 syarat iaitu:

- 1- Suci daripada hadas besar dan kecil
- 2- Suci daripada tidak dimaafkan
- 3- Menutup aurat dengan pakaian yang bersih.
  - \* Aurat lelaki dalam solat adalah kawasan antara pusat dan lutut.
  - \* Aurat Perempuan dalam solat adalah seluruh badannya selain wajah dan telapak tangan.
- 4- Berdiri di tempat yang bersih
- 5- Mengetahui masuk waktu solat yang ditetapkan pada syara'.
- 6- Mengadap kiblat iaitu Kaabah
- 7- Mengetahui cara melaksanakan solat iaitu menegtahui kefarduannya dan dapat membezakan antara perkara rukun dan perkara sunat dalam solat.

**Diharuskan tidak mengadap kiblat ketika solat**

Diharuskan tidak mengadap kiblat ketika solat dalam dua keadaan:

1. Ketika terlalu takut
2. Ketika solat sunat di atas kenderaan semasa musafir

**شروط لصحة الصلاة**

الشرط : لغة : العلامة

شرعا : أمر تتوقف عليه صحة العبادة وليس جزءا منها.

يشترط لأداء الصلاة وصحتها **سبعة** شروط :

(١) الطهارة من الحدث الأكبر والأصغر

(٢) الطهارة من النجس الذي لا يعفى عنه

(٣) ستر العورة بثياب طاهر

عورة الرجل في الصلاة : ما بين سرتة وركبته

عورة المرأة في الصلاة : جميع بدنھا ما عدا وجهها وكفيھا

(٤) الوقوف على مكان طاهر

(٥) العلم بدخول الوقت المحدد شرعا للصلاة

(٦) استقبال القبلة أي الكعبة

(٧) العلم بكيفية الصلاة بأن يعلم فرضيتها ويميز فروضها من سننها

**جواز ترك استقبال القبلة في الصلاة**

يجوز ترك استقبال القبلة في الصلاة في حالتين:

(١) في شدة الخوف

(٢) في النافلة في السفر على الراحلة

**Rukun solat**

Rukun solat terdapat 18 rukun :

1. Niat solat , tempatnya di hati
2. Berdiri bagi yang mampu
3. Takbiratul ihram, orang yang mampu wajib menuturkannya
4. Membaca surah al Fatihah sama ada solat fardu atau solat sunat
- 5- Ruku', sekurang-kurangnya membongkok sekadar sampai tangan ke lutut
- 6- Tama'ninah ketika rukuk
- 7- I'tidal
- 8- Tama'ninah ketika I'tidal
- 9- Sujud dua kali pada setiap rakaat
- 10- Tama'ninah ketika sujud
- 11- Duduk di antara dua sujud pada setiap rakaat
- 12- Tama'ninah ketika Duduk di antara dua sujud
- 13- Duduk Tasyahud akhir yang disudahi dengan salam
- 14- Baca Tasyahud akhir
- 15- Selawat ke atas nabi s.a.w Duduk Tasyahud akhir
- 16- Memberi salam pertama
- 17- Niat keluar dari solat
- 18- Tertib

**أركان الصلاة<sup>٣</sup>**

أركان الصلاة ثمانية عشر ركنا :

- (١) النية، هي قصد الصلاة ومحلها القلب.
- (٢) القيام مع القدرة عليه
- (٣) تكبيرة الإحرام، ويتعين على القادر النطق بها أن يقول : (الله أكبر)
- (٤) قراءة الفاتحة فرضا كانت الصلاة أو نفلا
- (٥) الركوع ، وأقله للقادر عليه أن ينحني قدر بلوغ راحتيه ركبتيه
- (٦) الطمأنينة في الركوع
- (٧) الاعتدال
- (٨) الطمأنينة في الاعتدال
- (٩) السجود مرتين في كل ركعة
- (١٠) الطمأنينة في السجود
- (١١) الجلوس بين السجدين في كل ركعة
- (١٢) الطمأنينة في الجلوس بين السجدين
- (١٣) الجلوس الأخير الذي يعقبه السلام
- (١٤) التشهد في الجلوس الأخير
- (١٥) الصلاة على النبي ﷺ في الجلوس الأخير.
- (١٦) التسليمة الأولى
- (١٧) نية الخروج من الصلاة
- (١٨) ترتيب الأركان

<sup>٣</sup> هي أجزاءها التي تتركب منها



**Perkara sunat sebelum melakukan solat**

Perkara sunat sebelum melakukan solat adalah dua perkara:

**Pertama: Azan**

Dari sudut bahasa: Memberitahu.

Dari sudut istilah: Zikir khusus untuk memberitahu tentang masuknya waktu solat fardu yang diketahui umum.

Perkataannya diulang 2 kali kecuali pada perkataan takbir pertama diulang 4 kali, begitu juga pada perkataan tauhid yang terakhir disebut sekali sahaja.

**Kedua: Iqamah**

laitu nama bagi beberapa perkataan yang disebutkan sebelum melakukan solat, dan perkataan-perkataannya diketahui umum.

**Perkara sunat ketika melakukan solat**

Disunatkan ketika melakukan solat itu dua perkara :

**Pertama: Tasyahhud pertama.**

**Kedua: Qunut** pada solat Subuh setelah i'tidal dari rakaat kedua, iaitu selepas menyebut:

(Allah mendengar orang-orang yang memuji-Nya, Wahai Tuhan kami untuk Mu segala pujian),

Ertinya: (Ya Allah, berilah aku petunjuk bersama mereka yang telah Engkau berikan petunjuk. Dan sejahterakanlah aku bersama mereka yang telah Engkau sejahterakan. Dan lindungilah aku bersama orang-orang yang telah Engkau lindungi. Dan berkatilah aku pada apa-apa yang telah Engkau kurniakan. Dan selamatkan aku dari kejahatan yang telah Engkau tetapkan. Maka sesungguhnya, Engkaulah yang menetapkan dan tiada yang dapat merubah ketetapan-Mu. Dan sesungguhnya tidak hina orang yang Engkau lindungi. Dan tidak mulia orang yang Engkau musuhi. Maha Suci Engkau wahai Tuhan kami dan Maha Tinggi. Maka bagi Engkaulah segala pujian di atas apa yang Engkau tetapkan. Dan aku memohon ampun dari-Mu dan aku bertaubat kepada-Mu. Dan semoga Allah mencurahkan rahmat dan sejahtera ke atas penghulu kami Nabi Muhammad serta ke atas keluarga dan para sahabat baginda).

**Qunut** juga disunatkan pada **solat Witir** setelah pertengahan (separuh kedua) bulan Ramadhan.

**سنن الصلاة قبل الدخول فيها**

سنن الصلاة قبل الدخول فيها شيئان:

**الأول: الأذان**، وهو لغة: الإعلام.

وشرعا: ذكر مخصوص للإعلام بدخول صلاة مفروضة معروفة، وألفاظه مثنى إلا التكبير أوله فاربع، وإلا التوحيد آخره فواحد.

**الثاني: الإقامة**، وهي اسم للألفاظ التي تذكر قبل الدخول في الصلاة، وألفاظها معروفة

**سنن الصلاة بعد الدخول فيها**

يسن لها بعد الدخول فيها شيئان:

**الأول: التشهد الأول**.

**الثاني: القنوت في الصبح** بعد اعتداله من الركعة الثانية منه، أي بعد قوله : (سمع الله لمن حمده ربنا لك الحمد)،

وهو: (اللهم اهديني فيمن هديت، وعافني فيمن عافيت، وتولني فيمن توليت، وقني واصرف عني شر ما قضيت، إنك تقضي ولا يقضى عليك، وإنه لا يذل من واليت، ولا يعز من عاديت، تباركت ربنا وتعاليت، فلك الحمد على ما قضيت، ولك الشكر على ما أنعمت به وأوليت، نستغفرك اللهم ونتوب إليك، وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم).

كما يندب القنوت في الوتر في النصف الثاني من شهر رمضان.

## Sunat Haiat solat

Perkataan (الهيئات) adalah kata jamak bagi (هيئة). Ia adalah sunnah yang tidak wajib diganti dengan sujud sahwi jika meninggalkannya.

Sunat Haiat solat ada 15 perkara:

1- **Mengangkat telapak tangan ketika takbiratul ihram** setentang dengan bahunya, ketika turun untuk rukuk, ketika bangkit dari rukuk, dan ketika berdiri dari tasyahhud pertama.

2- Meletakkan perut tangan kanan di bahagian belakang tangan kiri.

3- **Membaca doa iftitah** selepas takbiratul ihram dan sebelum membaca taawwuz dan membaca surah al fatihah.

Ertinya: “Aku berniatkan ibadahku kepada Yang menjadikan langit dan bumi, sebagai seorang Hanif (yang berada atas jalan lurus) dan Muslim dan bukanlah aku tergolong dari kalangan orang musyrikin. Sesungguhnya solatku, ibadahku, kehidupanku, dan kematianku hanyalah kepada Allah Tuhan sekalian alam. Tiadalah sekutu bagiNya dan dengan itulah (mentauhidkan Allah) aku diperintahkan dan aku tergolong dari kalangan orang Islam”.

4- **Membaca taawwuz** selepas doa iftitah. Bentuk tawwuz yang paling baik: (Saya berlingung dengan Allah dari syaitan yang terkutuk)

5- Membaca dengan nyaring pada tempat bacaan nyaring dan membaca dengan perlahan pada tempat bacaan perlahan.

6- **Membaca Amin** setelah selesai membaca surah al-Fatihah untuk pembacanya dalam solat dan yang lain. Makmum membaca amin bersama imam dalam solat yang boleh membaca dengan nyaring sahaja.

7- **Membaca surah** atau sesuatu dari Al-Quran bagi imam atau secara bersendirian pada 2 rakaat solat Subuh dan solat Jumaat, begitu juga rakaat pertama dan kedua selain daripada dua solat di atas.

8- Bertakbir ketika mula turun untuk rukuk dan dua sujud serta ketika bangun dari dua sujud.

9- Menyebut (سمع الله لمن حمده) “Allah telah mendengar orang-orang yang memujinya” sama ada imam, makmum atau solat sendirian, ketika seseorang itu mengangkat kepalanya daripada rukuk.

## هيئات الصلاة

الهيئات جمع هيئة، وهي السنة التي لا يجبر تركها بسجود السهو.

### هيئات الصلاة خمس عشرة هيئة:

١- رفع الكفين عند تكبيرة الإحرام حذو منكبيه، وعند النزول للركوع، وعند الرفع منه، وعند القيام من التشهد الأول.

٢- وضع بطن كف اليد اليمنى على ظهر اليد اليسرى.

٣- دعاء الافتتاح بعد تكبيرة الإحرام وقبل التعوذ والقراءة

وهو: وجهت وجهي للذي فطر السماوات والأرض حنيئا وما أنا من المشركين، إن صلاتي ونسكي ومحياي و ماتي لله رب العالمين لا شريك له وبذلك أمرت وأنا من المسلمين.<sup>٤</sup>

٤- الاستعاذة بعد دعاء الافتتاح، وأفضل صيغها: (أعوذ بال له من الشيطان الرجيم)

٥- الجهر في موضعه والإسرار في موضعه .

٦- التأمين: أي قول (آمين) عقب الفاتحة لقارئها في صلاة وغيرها، لكنه في الصلاة أكد ويُؤمّن الأوموم مع تأمين إمامه في الجهرية فقط ويجهر به.

٧- قراءة السورة أو شيء من القرآن لإمام أو منفرد في ركعتي الصبح والجمعة وكذا الركعتين الأولى والثانية من غيرها.

٨- التكبيرات عند النزول للركوع وللسجدتين وعند النهوض من السجدتين.

٩- قول المصلي إماما ومأموما ومنفردا (سمع الله لمن حمده) حين يرفع رأسه من الركوع.

<sup>٤</sup> رواه مسلم

10- Menyebut (ربنا لك الحمد) “Ya Tuhan kami, Segala puji bagi Engkau” apabila berdiri tegak.

11- Ucapan tasbih ketika rukuk dan sujud, sekurang-kurangnya sempurna adalah 3 kali, ucapkan ketika rukuk: (سبحان ربي العظيم) “Maha Suci Tuhanku Yang Maha Agung” 3 kali, dan ketika sujud: (سبحان ربي الأعلى) “Maha Suci Tuhanku Yang Maha tinggi” 3 kali.

12- Meletakkan kedua tangan di atas paha ketika duduk untuk tasyahhud pertama dan akhir.

13- Duduk *iftirasy*<sup>7</sup> di semua keadaan duduk semasa solat, kecuali ketika duduk *tawarruk*<sup>8</sup> akhir, maka duduk dalam keadaan *tawarruk*<sup>8</sup>.

14- Memberi salam yang kedua, manakala salam yang pertama, ia adalah antara rukun solat.

#### Perbezaan antara wanita dan lelaki dalam solat

Wanita berbeza dengan lelaki dalam solat pada lima perkara:

- 1- Lelaki menjarakkan sikunya dari tulang rusuknya ketika rukuk dan sujud, tetapi wanita itu merapatkan sikunya pada kedua-dua belah tulang rusuknya.
- 2- Lelaki mengangkat perutnya daripada pahanya ketika rukuk dan sujud, manakala wanita merapatkan perutnya dengan pahanya.
- 3- Lelaki membaca dengan nyaring pada tempat solat bacaannya nyaring, tetapi wanita itu merendahkan suaranya.
- 4- Lelaki, jika perlu memberi perhatian kepada orang lain ketika solat, ia menyebut : (سبحان الله) “Maha Suci Allah” dengan niat zikir sahaja, tetapi wanita dengan menepuk tangan.

<sup>7</sup> Duduk *iftirasy* : seseorang itu duduk dengan meletakkan bahagian punggungnya di atas kaki kirinya. Manakala tapak kaki kanan itu ditegakkan jari-jemarinya mengadap ke arah kiblat.

<sup>8</sup> Duduk *Tawarruk* adalah seumpama duduk *iftirasy*, tetapi seseorang itu kelipatkan kaki kirinya ke arah kaki kanannya dan meletakkan punggungnya di atas lantai / tanah.

١٠ - قول المصلي: (ربنا لك الحمد) إذا انتصب قائما-

١١ - التسييح في الركوع والسجود، وأدنى الكمال في التسييح فيهما ثلاث مرات، فيقول في الركوع: (سبحان رب العظيم) ثلاثاً، وفي السجود: (سبحان ربي الأعلى) ثلاثاً.

١٢ . وضع اليدين على الفخذين في الجلوس للشهد الأول والأخير .

١٣ - الافتراش<sup>٥</sup> في جميع الجلسات في الصلاة ماعدا الجلسة في التشهد الأخير فيجلس فيها متوركاً<sup>٦</sup>.

١٤ - التسليمة الثانية، أما الأولى فقد سبق أنها من أركان الصلاة.

#### ما تخالف فيه المرأة الرجل في الصلاة

المرأة تخالف الرجل في الصلاة في خمسة أشياء:

١ - الرجل يباعد مرفقيه عن جنبه في الركوع والسجود، وأما المرأة فتضم مرفقيها لجنبها فيهما.

٢ - الرجل يرفع بطنه عن فخذيه في الركوع والسجود، وأما المرأة فتلتصق بطنها بفخذيها.

٣ - الرجل يجهر في موضع الجهر، وأما المرأة فتخفض صوتها.

٤ . الرجل إن احتاج إلى تنبيه غيره في الصلاة يقول:

(سبحان الله) بقصد الذكر فقط، وأما المرأة فتصفق.

<sup>٥</sup> الافتراش: أن يجلس الشخص على كعب اليسرى جاعلاً ظهرها للأرض، وينصب قدمه اليمنى ويضع بالأرض أطراف أصابعها لجهة القبلة.

<sup>٦</sup> التورك مثل الافتراش إلا أن المصلي يخرج يسراه من جهة يمينه ويلصق وركه بالأرض

5 - Aurat lelaki dalam solat dan seumpamanya adalah di antara pusat dan lututnya. manakala wanita pula, seluruh tubuhnya ketika solat adalah aurat kecuali muka dan dua telapak tangan.

### Perkara yang membatalkan solat

Perkara yang membatalkan solat ada 11 perkara, iaitu:

1. Bercakap dengan perkataan yang terdiri daripada dua huruf atau lebih.
2. Pergerakan yang banyak serta berturut-turut seperti tiga langkah berturut-turut.
3. Berhadass kecil atau besar sebelum salam pertama.
4. Terkena najis yang tidak dimaafkan.
5. Terbuka aurat.
6. Mengubah niat.
7. Berpaling dadanya daripada menghadap Kiblat.
8. Makan
9. Minum
10. Ketawa mengilai iaitu ketawa dengan suara
11. Murtad iaitu memutuskan ikatan Islam dan keluar daripadanya

٥- عورة الرجل في الصلاة ونحوها ما بين سرتة وركبته، وأما المرأة فجميع بدنّها في الصلاة عورة إلا الوجه والكفين .

### مبطلات الصلاة

الذي يبطل الصلاة بأنواعها أحد عشر شيئاً:

- (١) الكلام الصالح لخطاب الآدميين
- (٢) العمل الكثير المتوالي - كثلاث خطوات متوالية
- (٣) الحدث الأصغر والأكبر قبل التسليمة الأولى
- (٤) حدوث النجاسة التي لا يعفى عنها
- (٥) انكشاف العورة
- (٦) تغيير النية
- (٧) التحول عن القبلة بصدرة
- (٨ / ٩) الأكل والشرب
- (١٠) القهقهة، وهي ضحك مع صوت
- (١١) الردة، وهي قطع استمرار الإسلام

**Bilangan Rakaat solat**

- Bilangan rakaat solat fardhu sehari dan semalam bagi solat bermukim (bukan musafir) kecuali pada hari Jumaat adalah 17 rakaat.
- Pada hari Jumaat, bilangan rakaat solat fardhu adalah 15 rakaat.
- Bilangan rakaat solat ketika musafir setiap hari, bagi orang yang menqasarkannya ialah 11 rakaat.
- Rakaat solat fardhu ketika bermukim, kecuali pada hari Jumaat, adalah 34 kali sujud dan 90 kali takbir, 9 kali bacaan tasyahhud, 10 kali salam dan 153 kali tasbih.
- Jumlah Rukun dalam solat ialah 126 rukun
- Solat Subuh : 30 rukun.
- Solat Maghribi :42 rukun.
- Solat 4 rakaat (Zohor, Asar dan Isyak) : 54 rukun.

\* Ini kerana setiap rakaat mengandungi 12 rukun: berdiri dan membaca al-Fatihah, rukuk, tama'ninah ketika rukuk, l'tidal, tama'ninah ketika l'tidal, sujud pertama, tama'ninah ketika sujud tersebut, duduk di antara dua sujud, tama'ninah ketika duduk tersebut, sujud kedua, dan tama'ninah ketika sujud tersebut.

\* Rukun-rukun ini diulang dalam setiap rakaat, kemudian ditambah dengan 6 rukun yang tidak diulang : niat, takbiratul ihram, duduk terakhir, dan membaca tasyahhud di dalamnya, selawat ke atas Nabi, dan salam pertama.

**عدد ركعات الصلاة**

- عدد ركعات الفرائض في كل يوم وليلة في صلاة الحضر إلا يوم الجمعة سبع عشرة ركعة،
- أما يوم الجمعة فعدد ركعات الفرائض فيها خمس عشرة ركعة ،
- أما عدد ركعات صلاة السفر في كل يوم للقاصر إحدى عشرة ركعة.
- في ركعات الفرائض في الحضر غير يوم الجمعة أربع وثلاثون سجدة وأربع وتسعون تكبيرة وتسع تشهدات وعشر تسليمات ومائة وثلاثة وستون تسيحة.
- جملة الأركان في الصلاة مائة وست وعشرون ركنا ،
- في الصبح ثلاثون ركنا
- في المغرب اثنان وأربعون ركنا ،
- في الرباعية أربعة وخمسون ركنا ،

\* ذلك لأن كل ركعة فيها اثنا عشر ركنا: القبا. وقراءة الفاتحة ، والركوع ، والطمأنينة فيه، والاعتدال، والطمأنينة فيه ، والسجود الأول ، والطمأنينة فيه، والجلوس بين السجدين ، والطمأنينة فيه ، والسجود الثاني، والطمأنينة فيه.

\* هذه الأركان تتكرر في كل ركعة ، ثم يزداد عليها ستة أركان لا تتكرر هي : النية ، تكبيرة الإحرام ، الجلوس الأخير، والتشهد فيه ، والصلاة على النبي ﷺ ، والتسليم الأولى.

أسئلة:

الإجابة:

س ١ : ما الصلاة لغة وشرعاً؟ ما الأقوال؟ وما الأفعال في الصلاة؟ ومتى فرضت الصلاة؟ وما حكمة مشروعيتها؟ وما شروط وجوب الصلاة؟ وما النوافل المؤكدة؟ وما شروط صحة الصلاة؟ ومتى يجوز ترك القبلة؟

س ٢ : ما أركان الصلاة؟ وما سنن الصلاة قبل الدخول فيها؟ وما سنن الصلاة بعد الدخول فيها؟ وفيما تخالف المرأة الرجل في الصلاة؟ وما هي مبطلات الصلاة؟.

س ٣: صل من المجموعة (أ) بما يناسبها من المجموعة (ب).

(أ)	(ب)
الصلاة لغة	لفاعلها في أول النهار
من أفعال الصلاة	مجنون ومغمى عليه
من أقوال الصلاة	لأدائها بعد الغروب
سميت الصبح بذلك	الركوع
سميت المغرب بذلك	صلاة الضحى
لا تجب الصلاة على	قراءة الفاتحة
من النوافل المؤكدة المستقلة	الدعاء
	الترتيب
	التسليم الأولى

### Hukum seseorang yang tidak mampu bersolat dalam keadaan berdiri dan seumpamanya

- Seseorang yang tidak dapat berdiri ketika solat fardhu kerana kesukaran yang dihadapinya yang boleh menghilangkan khusyu atau kesempurnaannya, maka dia boleh solat dalam keadaan duduk mengikut apa-apa bentuk yang dia mahu seperti duduk *iftrisy*, duduk *tawarruk* atau seumpamanya, tetapi duduk *iftrisy* itu lebih baik,
- Sekiranya seseorang itu tidak mampu duduk, dia boleh solat secara berbaring sebelah lambungnya.
- Sekiranya seseorang itu tidak mampu solat secara berbaring, dia boleh solat secara telentang di atas belakangnya dan telapak kakinya mengadap kiblat.
- Sekiranya seseorang itu tidak mampu melakukan semua itu, maka dia menggunakan isyarat dengan kepalanya. Isyarat untuk sujudnya itu lebih rendah dari rukuknya,
- Sekiranya seseorang itu tidak mampu melakukan semua itu, maka dia menggunakan isyarat dengan kelopak matanya dan berniat di dalam hatinya.
- Seseorang itu wajib mengadap kiblat dengan mukanya. caranya dengan meletakkan meletakkan sesuatu di bawah kepalanya,
- Sekiranya seseorang itu tidak mampu melakukan dengan isyarat dengan kelopak matanya, maka dia melaksanakan rukun-rukun solat di dalam hatinya. Dia berniat di dalam hati dan menggambarkan dirinya berdiri, membaca surah al Fatihah, rukuk, dan begitulah sehingga selesai. Dia tidak boleh meninggalkannya selagi fikirannya masih ada.
- Sekiranya seseorang solat dalam keadaan duduk kerana tidak mampu untuk berdiri, maka dia tidak perlu qada' solatnya dan pahalanya tidak kurang kerana dia dimaafkan.

Mengenai sabda nabi saw: "Barangsiapa yang solat secara duduk, maka dia mendapat setengah daripada pahala orang yang solat berdiri, dan barangsiapa yang solat secara berbaring, dia akan mendapat setengah daripada pahala orang solat secara duduk."

Hadis ini boleh diandaikan kepada solat sunat yang didirikan secara duduk ketika masih lagi mampu untuk berdiri.

### حكم العجز عن القيام ونحوه في الصلاة

- من عجز عن قيام في الفريضة لمشقة تلحقه بحيث تذهب خشوعه أو كماله، صلى جالسا على أى صورة شاء من افتراش أو تورك أو نحوهما ، ولكن افتراشه في موضع قيامه أفضل،
- من عجز عن الجلوس صلى مضطجعا ،
- إن عجز عن الاضطجاع صلى مستلقيا على ظهره وباطن قدمه للقبلة،
- إن عجز عن ذلك كله أو ما برأسه مع جعل سجوده أخفض من ركوعه ،
- إذا عجز عن ذلك أو ما بأجفانه ونوى بقلبه
- يجب عليه استقبال القبلة بوجهه بوضع شيء تحت رأسه،
- إن عجز عن الإيماء بما أجرى أركان الصلاة على قلبه فينوى بقلبه ويمثل نفسه قائما وقارئا وراكعا وهكذا إلى آخره ، ولا يتركها ما دام عقله ثابتا.
- من صلى قاعدا لعجزه عن القيام فلا قضاء عليه ولا ينقص أجره لأنه معذور ، وأما قوله ﷺ: (من صلى قاعدا فله نصف أجر القائم ، ومن صلى نائما فله نصف أجر القاعد)<sup>٩</sup> فمحمول على صلاة النافلة قاعدا عند القدرة على القيام.

<sup>٩</sup> حديث عمران بن حصين رواه البخارى ك تقصير الصلاة (١٠٦٤) والترمذى ك الصلاة (٣٧١) والنسائي ك قيام الليل وتطوع النهار (١٦٦٠) وابن ماجه ك إقامة الصلاة والسنة فيها (١٢٣١).

**Fasal tentang sujud sahwi**

( السهو ) dari sudut bahasa: lupa terhadap sesuatu dan mengabaikannya,

Dari sudut syarak: kecacatan yang berlaku dalam solat, sama ada sengaja atau lupa.

**Hikmah pensyariatan sujud sahwi**

Disyariatkan sujud sahwi sebagai menutup kecacatan yang terjadi semasa solat dengan meninggalkan salah satu daripada perkara sunat atau menambahkan sesuatu pada solat.

Perkara yang ditinggalkan oleh orang yang solat sama ada secara sengaja atau lupa adalah salah satu daripada tiga perkara ini:

- (1) Perkara fardhu / rukun.
- (2) Perkara sunat, iaitu sunat Ab'ad, seperti tasyahhud pertama dan Qunut pada solat Subuh.
- (3) Sunat Haiat iaitu bukan sunat Ab'ad, seperti Takbir berpindah rukun dan mengangkat tangan ketika takbiratul ihram.

Perkara rukun yang ditinggalkan secara sengaja akan membatalkan solat, dan mereka yang meninggalkannya secara tidak sengaja tidak boleh menggantikannya dengan sujud sahwi, bahkan sekiranya dia mengetahui bahawa dia meninggalkannya ketika masih dalam solat, maka dia hendaklah melakukan kembali perkara tersebut dan menyempurnakan solatnya, atau dia mengetahui perkara tersebut selepas memberi salam dan masanya tidak lama dari segi 'uruf, maka dia hendaklah kembali solat dan melakukan perkara yang ditinggalkan itu serta menyempurnakan solatnya, kemudian sujud sahwi.

Sunat Ab'ad ada 6 perkara:

1. Tasyahhud pertama,
2. Duduk Tasyahhud pertama
3. Qunut pada solat Subuh dan solat Witir pada separuh kedua bulan Ramadan,
4. Berdiri ketika membaca Qunut,
5. Membaca selawat ke atas Nabi, pada tasyahhud pertama,
6. Membaca selawat ke atas keluarga Nabi saw pada tasyahhud kedua,

Jika orang yang solat itu meninggalkannya dengan sengaja atau tidak sengaja maka dia tidak boleh kembali melakukannya selepas melakukan perkara rukun.

**فصل في سجود السهو**

السهو لغة : نسيان الشيء والغفلة عنه ،

وشرعا : اطلت الواقع يف الصلاة سواء كاف عمدا أو نسيان

**حكمة مشروعية سجود السهو**

شرح سجود السهو جبرا للخلل الذي حصل في الصلاة بترك سنة من السنن أو زيادة شيء في الصلاة.

إن الذي يتركه المصلي من صلاته عمدا أو سهوا أحد ثلاثة أشياء:

(١) فرض / الركن

(٢) سنة أي بعض كالتشهد الأول ، والقنوت في الصبح.

(٣) هيئة : أي ليست بعضا كالتكبير في الانتقالات ورفع اليدين عند تكبيرة الإحرام.

الفرض المتروك عمدا تبطل به الصلاة ، والمتروك سهوا لا ينوب عنه سجود السهو ، بل إن علم تركه وهو في الصلاة أتى به وتمت صلاته ، أو علم بتركه بعد السلام والزمان قريب عرفا دخل الصلاة وأتى به و بقي عليه ما بقي من صلاته وسجد للسهو.

والسنة هي الأبعاض الستة التي هي : التشهد الأول، والقعود له ، والقنوت في الصبح وفي النصف الثاني من رمضان ، والقيام له ، والصلاة على النبي ﷺ في التشهد الأول، والصلاة على آل في التشهد الثاني، إن تركها المصلي عمدا أو سهوا لا يعود إليها بعد التلبس بالفرض.



Contoh: Sesiapa yang meninggalkan tasyahhud pertama, kemudian ingat perkara tersebut setelah **berdiri tegak**, maka dia tidak boleh kembali kepada tasyahhud pertama itu. Sekiranya dia kembali kepada tasyahhud pertama itu secara sengaja dan mengetahui hukum haramnya, maka batallah solat itu, atau lupa semasa masih dalam solat atau tidak tahu hukumnya, maka tidak batal solatnya, dia perlu **terus berdiri** ketika ingat perkara tersebut atau mengetahui tentang haramnya kembali (tasyahhud pertama). Sekiranya seseorang itu adalah makmum maka dia wajib mengikut imamnya, tetapi dia disunatkan sujud sahwi jika dia tidak kembali (tasyahhud pertama), atau kembali (tasyahhud pertama) dalam keadaan lupa atau jahil tentang haramnya perkara tersebut.

**Sunat Haiat** seperti bacaan tasbeih ketika rukuk, sujud dan seumpamanya, seseorang itu tidak boleh kembali kembali membacanya setelah meninggalkannya, dan tidak perlu sujud sahwi sama ada dia meninggalkannya dengan sengaja atau tidak sengaja kerana tidak ada perintah berbuat demikian.

Sekiranya seseorang itu tidak pasti tentang bilangan rakaat yang telah dilakukannya, seperti orang yang syak, adakah dia solat 3 atau 4 rakaat maka perlu berdasarkan perkara yang diyakini iaitu yang lebih sedikit seperti dalam contoh ini adalah 3 rakaat, maka dia perlu tambah satu rakaat lagi dan sujud sahwi. Tidak memadai dengan sangkaan bahawa dia telah solat 4 rakaat dan tidak boleh menggunakan kata-kata orang lain kecuali bilangan mereka mencapai had mutawatir, maka dia boleh berpegang dengan kata-kata itu mengikut **pendapat yang muktamad**.

من ترك التشهد الأول مثلا فتذكره بعد اعتداله مستويا لا يعود إليه ، فإن عاد إليه عامدا عالما بالتحريم بطلت صلاة، أو ناسيا أنه في صلاة ، أو جاهلا فلا تبطل صلاته، ويلزمه القيام عند تذكره أو علمه بجرمة العود، وإن كان مأموما عاد وجوبا لمتابعة إمامه، لكنه يسجد للسهو عنها إن لم يعد ، أو عاد ناسيا ، أو جاهلا تحريمه .

والهيئة كالتهيئات في الركوع والسجود ونحوها لا يعود المصلي إليها بعد تركها ، ولا يسجد للسهو عنها سواء تركها عمدا أو سهوا لعدم وروده.

إذا شك المصلي في عدد ما أتى به من الركعات ، كمن شك هل صلي ثلاثا أو أربعا بنى على اليقين وهو الأقل كالثلاثة في مثالنا وأتى بركعة ويسجد للسهو ، وال ينفعه غلبة الظن أنه صلي أربعا ولا يعمل بقول غيره إلا إذا بلغ عدد ذلك القائل حد التواتر فيعمل بو على المعتمد.

**Hukum sujud sahwi**

**Sujud sahwi** adalah sunat ketika seseorang itu meninggalkan perkara yang diperintahkan di dalam solat, atau melakukan sesuatu yang dilarang di dalamnya kecuali pada hak makmum, jika imam melakukannya, maka sujud itu menjadi wajib ke atas makmum dan menjadi seperti rukun.

**Tempat sujud sahwi** adalah sebelum salam, jika seseorang itu memberi salam dengan sengaja sedang dia mengetahui perkara ditinggalkan atau lupa itu dan lama masa yang memisahkannya, maka hilanglah tempat sujud sahwi itu. Jika masanya singkat sahaja maka tidak hilang tempat untuk sujud sahwi, ketika itu haruslah baginya sujud sahwi atau meninggalkannya.

**Sebab-sebab sujud sahwi** adalah lima:

- (1) Seseorang itu yakin meninggalkan salah sunat daripada sunat-sunat Ab'ad, walaupun dia tidak menentukan perkara tersebut.
- (2) Syak dalam meninggalkan sunat Ab'ad yang tertentu seperti qunut, adakah dia melakukannya atau tidak.
- (3) Yakin melakukan sesuatu yang dilarang secara tidak sengaja, yang membatalkan asasnya seperti menambahkan rukuk kerana lupa.
- (4) Syak melakukan sesuatu yang dilarang dengan kemungkinan menambah rukun, seperti seseorang itu syak pada bilangan rakaat yang telah dilakukannya.
- (5) Memindahkan memindahkan rukun qauli ke tempat lain dengan niatnya, seperti membaca al-Fatihah dalam rukuk.

**حكم سجود السهو**

سجود السهو سنة عند ترك مأمور به من الصلاة ، أو فعل شيء منهى عنه فيها إلا في حق المأموم إذا فعله الإمام فإنه يجب عليه ويصير في حقه كالركن.

**محله :** قبل السلام ، فلو سلم المصلي عامدا عالما بالسهو أو ناسيا وطال الفصل فيها فات محله ، وإن قصر لم يفت وحينئذ فله السجود وتركه.

أسباب سجود السهو خمسة:

- (١) تيقن ترك بعض من الأبعاض وإن لم يعلم عينه.
- (٢) الشك في ترك بعض معين كالقنوت هل أتى به أم لا.
- (٣) تيقن فعل شيء منهى عنه سهوا مما يبطل عمدته كزيادة ركوع سهوا.
- (٤) الشك في فعل شيء منهى عنه مع احتمال الزيادة ، كما لو شك في عدد ما أتى به من الركعات.
- (٥) نقل مطلوب قولي إلى غير محله بنيته كقراءة الفاتحة في الركوع.

أسئلة :

س- ما السهو لغة وشرعا؟ وما حكمة مشروعية السهو؟ وما حكم سجود السهو؟  
وما محله؟

الإجابة:

**Waktu-waktu yang dimakruhkan solat**

Dimakruhkan solat dengan *makruh tahrim* (makruh yang hampir ke tahap haram) pada lima waktu kecuali mempunyai sebab sebelumnya. Waktu-waktu itu ialah:

1. Selepas ditunaikan solat Subuh sehingga terbit matahari
2. Ketika mula terbit matahari sehingga matahari naik setinggi tombak / segalah.
3. Ketika matahari berada di tengah-tengah langit sehingga gelincir ke arah barat daripada tengah langit kecuali pada hari jumaat, maka tidak dimakruhkan solat padanya.
4. Selepas menunaikan solat Asar sehingga terbenam matahari.
5. Ketika hamper terbenam matahari – iaitu waktu langit kekuningan – sehingga tenggelam seluruh bulatan matahari.

Dikecualikan waktu-waktu ini semuanya di kawasan tanah haram Mekah, maka tidak makruh solat padanya. Manakala Madinah dan Baitul Maqdis, keduanya seperti tempat-tempat lain (juga tidak boleh solat di waktu-waktu yang makruhkan solat)

**الأوقات التي تكره فيها الصلاة**

تكراه الصلاة كراهة تحريم في خمسة أوقات إلا لها سبب متقدم، وهذه الأوقات هي:

- (١) بعد أداء صلاة الصبح حتى تطلع الشمس
- (٢) عند ابتداء طلوع الشمس حتى ترتفع قدر رومح<sup>١٠</sup>
- (٣) عند استواء الشمس حتى تزول إلى المغرب عن وسط السماء إلا يوم الجمعة، فلا تكراه الصلاة فيه
- (٤) بعد أداء صلاة العصر حتى تغرب الشمس
- (٥) عند قرب غروب الشمس – وهو وقت الاصفرار – حتى يتكامل غروبها ويستثنى من هذه الأوقات كلها حرم مكة، فلا تكراه الصلاة فيه. أما حرم المدينة وبيت المقدس فهما كغيرهما من الأماكن الأخرى.

<sup>١٠</sup> الرمح يساوي ٣,٥ مترا تقريبا

## SOLAT BERJEMAAH

### Erti Berjemaah

Jama'ah pada bahasa: kumpulan manusia.

Dari segi istilah syara': hubungan solat makmum dan solat imam

### Dalil disyariatkan solat berjemaah:

i- Firman Allah s.w.t: *"Dan apabila Engkau (Wahai Muhammad) berada dalam kalangan mereka (semasa perang), lalu Engkau mendirikan sembahyang dengan (menjadi imam) mereka, maka hendaklah sepauk dari mereka berdiri (mengerjakan sembahyang) bersama-samamu"*

ii- Sabda nabi s.a.w: *"Solat berjemaah melebihi solat seorang diri dengan 27 darjat"*.

### Hukum dan Dalil disyariatkannya

Hukum solat berjemaah ada dua pendapat:

1- Pendapat yang paling sahih: hukumnya adalah *farḍhu kifayah* pada solat fardhu selain daripada solat Jumaat

2- Pendapat kedua: Hukumnya adalah *sunat muakkad*

### Hikmat disyariatkan solat berjemaah

1. Mengajar orang Islam agar sistematik dalam gerak kerja mereka melalui cara mereka berdiri dalam barisan yang lurus ketika solat
2. membiasakan mereka mentaati pemimpin yang mana mereka tidak bergerak kecuali bergeraknya imam mereka
3. Meniup semangat bersatu padu dan persaudaraan
4. Mereka mempunyai peluang untuk berbincang masalah kehidupan yang mereka hadapi
5. Mendalami hukum tentang perkara yang mereka temui dalam kehidupan harian mereka
6. Solat berjemaah merupakan perhimpunan kecil daripada perhimpunan-perhimpunan orang Islam

## صلاة الجماعة

### تعريف الجماعة

الجماعة لغة: الطائفة

وشرعا: ربط صلاة المأموم بصلاة الإمام

### الدليل على مشروعيتها:

- ا- قوله تعالى: وَإِذَا كُنْتَ فِيهِمْ فَأَقَمْتَ لَهُمُ الصَّلَاةَ فَلَتَقُمْ طَائِفَةٌ مِنْهُمْ مَعَكَ<sup>١١</sup>
- ب- قوله عليه الصلاة والسلام: "صلاة الجماعة أفضل من صلاة الفذ بسبع وعشرين درجة".

### حكمها:

حكم صلاة الجماعة قولان:

(١) الأصح: فرض كفاية في الصلوات المكتوبة غير الجمعة

(٢) قيل: سنة مؤكدة

### حكمة مشروعيتها:

- (١) تعليم المسلمين النظام في أعمالهم بوقوفهم صفوفًا مترابطة
- (٢) تعودهم طاعة الرؤساء حيث أنهم لا يتحركون إلا بحركة إمامهم
- (٣) تبت فيهم روح التضامن والتأخي
- (٤) وفيها فرصة للتشاور فيما يعرض لهم من مشاكل الحياة
- (٥) والتعرف على حكم ما يجد لهم من أحداث في حياتهم اليومية
- (٦) فهي تعتبر مؤتمرًا مصغرًا من مؤتمرات المسلمين

<sup>١١</sup> سورة النساء : الآية ١٠٢

**Pelbagai Hukum yang berkaitan dengan solat berjemaah**

Makmum mendapat solat berjemaah bersama imam selain solat Jumaat selagi imam tidak memberi salam pertama sekalipun ia tidak sempat duduk bersama imam. Berjemaah pada solat Jumaat itu tidak diperolehi sekiranya kurang daripada satu rakaat kerana berjemaah padanya adalah fardhu 'ain.

**Syarat-syarat mengikut imam ada beberapa perkara:**

1. Wajib ia niat mengikut imam dan tidak wajib ia tentukan imam bahkan memadai mengikut imam yang ada dihadapannya sahaja.
2. Tidak sah ia mengikut orang yang lebih rendah martabatnya secara yakin atau andaian. Maka tidak sah lelaki mengikut perempuan dan khunsa kerana boleh diandai khunsa itu perempuan atau lelaki
3. Bukanlah makmum itu orang yang baik bacaannya sedangkan imam orang yang tidak baik bacaannya.
4. Imam dan makmum berkumpul di satu tempat dan tidak ada di antara keduanya dinding yang menghalang makmum untuk bersama imam.
5. Makmum tidak berada di hadapan imam dan tidak merosakkan solat berjemaah sekiranya ia berdiri selari dengan imam, tetapi disunatkan ia berada di belakang sedikit daripada imam.
6. Dapat mengetahui pergerakan imam tanpa perlu kepada berpaling atau membelakangi Kiblat.
7. Tidak lebih jarak di antara imam dan makmum daripada 300 hasta / 150 meter apabila imam dan makmum solat di kawasan lapang (bukan masjid).

**أحكام متفرقة تتعلق بصلاة الجماعة**

يدرك المأموم الجماعة مع الإمام في غير الجمعة ما لم يسلم الإمام التسليمة الأولى وإن لم يقعد معه. أما الجماعة في الجمعة فإنها لا تحصل بأقل من ركعة، لأن الجماعة فيها فرض عين.

شروط الإقتداء بالإمام أمور:

- (١) يجب أن ينوي الإقتداء بالإمام، ولا يجب تعيين الإمام بل يكفي الاقتداء بالحاضر.
- (٢) لا يصح اقتداؤه بمن دونه في النوع يقينا أو احتمالا؛ فلا يصح قدوة رجل بامرأة، ولا بخنثى لاحتمال أن يكون الخنثى امرأة أو ذكرا.
- (٣) أن لا يكون المأموم قارئا والإمام أميا.
- (٤) أن يجتمع الإمام والمأموم بمكان، ولا يكون بينهما حائل يمنع وصول المأموم إلى الإمام.
- (٥) أن لا يتقدم المأموم على إمامه بعقبه، ولا تضر مساواته لإمامه بل يندب تخلفه قليلا.
- (٦) إمكان الوصول إلى الإمام من غير انحراف واستدبار للقبلة.
- (٧) أن لا تزيد المسافة بينهما على ثلاثمائة ذراع إذا كان الإمام والمأموم في غير المسجد.

**1) Keuzuran yang dibenarkan syara' untuk meninggalkan solat berjemaah**

Seseorang itu boleh meninggalkan solat berjemaah kerana:

1. kesulitan hujan
2. angin kuat di waktu malam
3. terlalu becak dan berlumpur
4. terlalu sejuk
5. lapar dan dahaga
6. kesulitan sakit
7. mempertahankan dir / harta daripada penjenayah
8. sebab makan makanan yang berbau busuk dan sukar menghilangkannya.

**2) Hukum Makmum Masbuq**

- Makmum yang masbuk, maka mana-mana bahagian solat yang sempat ia lakukan bersama imam maka itu adalah awal solatnya.
- Makmum dikira mendapat rakaat apabila ia sempat bersama imam ketika ruku' dan tamakninahnya secara yakin sebelum i'tidal imam. Ia bertakbir ketika itu dengan takbiratul ihram, kemudian takbir untuk ruku'. Sekiranya ia takbir dengan satu takbir dan meniatkan takbiratul ihram sedangkan ia berditi tegak dengan sempurna maka terhasillah solat, jika tidak sedemikian maka tidak terhasillah solat. Manakala apabila ia mendapat imam pada selain ruku' seperti i'tidal dan rukun selepasnya, maka ia perlu mengikuti perbuatan imam dan tidak dikira rakaat untuknya dan ia mendapat pahala amalannya itu.

**3) Mengikut imam yang disiarkan solatnya melalui radio atau televisyen**

Tidak boleh solat bersama imam melalui siaran langsung yang disiarkan melalui radio atau televisyen, sekalipun ia mengetahui pergerakan dan perpindahan perbuatan imam dengan cara mendengar atau menontonnya, kerana imam solat masjid sana sedangkan makmum di luar masjid. Antara syarat mengikut imam adalah mampu sampai kepada imam, sedangkan syarat ini tidak ada. Begitu juga jarak di antara keduanya biasanya lebih daripada 300 hasta manusia yang sederhana (mengikut ukuran semasa menyamai 147 meter). Maka tidak sah mengikut imam, apabila tidak sah mengikut imam maka solatnya adalah batal.

**١) الاعذار المبيحة لترك صلاة الجماعة**

يجوز للشخص ترك الجماعة لـ :

- |                     |                                     |
|---------------------|-------------------------------------|
| ١- مشقة المطر       | ٢- شدة الريح ليلا                   |
| ٣- شدة الوحل        | ٤- شدة البرد                        |
| ٥- شدة الجوع والعطش | ٦- مشقة مرضى                        |
| ٧- مدافعة الأخبثين  | ٨- سبب أكل ذي ريح كريه تعسر إزالته. |

**٢) حكم المسبوق**

- من كان مسبوقا فما أدركه مع الإمام يكون أول صلاة هذا المسبوق،  
 - وتحتسب للمأموم الركعة إذا أدرك الإمام في الركوع واطمأن يقينا قبل اعتدال الإمام، ويكبر في هذه الحالة تكبيرة للإحرام وأخرى للركوع، فلو كبر تكبيرة واحدة ونوى بها التحريم وهو منتصب القامة تماما انعقدت صلاته وإلا لم تنعقد، أما إذا أدركه في غير الركوع كالاتدال وما بعده وافقه في أفعاله ولا تحتسب له ركعة، وله ثواب عمله.

**٣) الاقتداء بإمام تذايع صلاته بواسطة المذيع أو التلفاز**

لا يجوز لمن يسمع المذيع أو يشاهد التلفاز أن يصلي مع الإمام الذي تذايع صلاته بهما، وإن كان عالما بانتقالاته سامعا لكلماته؛ لأن الإمام هنا في المسجد والمأموم خارجه، ومن شروط الاقتداء: إمكان الوصول إلى الإمام، وهذا الشرط مفقود، كما أن المسافة بينهما غالبا ما تزيد على ثلاثمائة ذراع بذراع الأدمي المعتدل (وبالتقدير المعاصر يساوي ١٤٧ متر تقريبا) فلا تصح القدوة، وحيث لم تصح القدوة تكون الصلاة باطلة.

أسئلة:

(١) ما الجماعة لغة وشرعا؟

(٢) ما الدليل على مشروعيتها؟

(٣) ما حكمة مشروعيتها؟

(٤) ما حكم صلاة الجماعة؟

(٥) هل يأتى رجل بأمرأة؟ أو قارئ بأمي؟

(٦) ما الاعذار المبيحة لترك صلاة الجماعة؟

الإجابة :



## SOLAT QASAR DAN SOLAT JAMAK

## Pertama: Solat Qasar

**Qasar** : Seseorang menunaikan solat 4 rakaat (solat Zohor, Asar dan Isyak) secara 2 rakaat (ketika bermusafir).

**Dalil diharuskan Solat Qasar**, sebelum disepakati oleh ulamak:

Firman Allah swt:

“Dan apabila kamu musafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa mengqasarkannya (memendekkan) sembahyang jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir. Sesungguhnya orang-orang kafir itu adalah musuh yang amat nyata bagi kamu”.  
(surah an Nisa' : 101)

- Seumpama berjalan di muka bumi ialah musafir di darat, musafir di laut atau musafir di udara.

Ya'la bin Umaiya berkata: Aku bertanya pada Umar bin Al-Khattab tentang ayat: ﴿مَّا كَانُوا يَجْعَلُونَكَ إِذْ يَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَجَاءَهُمْ أَكْفَابًا عَلَىٰ عَنَتِهِمْ يَلْعَابُونَ﴾. “maka kamu tidaklah berdosa mengqasarkannya (memendekkan) sembahyang **jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir**”. Padahal kini orang ramai telah benar-benar aman?” Umar menjawab : “Aku juga rasa hairan tentang apa yang menjadi kehairanan kamu itu, kemudian aku menanyakannya kepada Rasulullah saw. Lalu baginda menjawab : "Qasar itu merupakan sedekah yang diberikan Allah kepada kamu semua, maka terimalah sedekah-Nya”

(hadis riwayat Muslim)

## Hikmah disyariatkan solat Qasar:

lanya sebagai memberi keringanan kepada orang bermusafir kerana memandangkan kebiasaannya ia akan menghadapi kesulitan perjalanan seperti menaiki kenderaan, berjalan kaki, membawa bebanan berat dan kesakitan yang timbul dari berpisahannya dengan ahli keluarga dan tanah air. Oleh itu nabi saw mengumpamakan musafir itu sebahagian daripada azab.

## فصل في قصر الصلاة وجمعها

## أولاً: قصر الصلاة

القصر: أن يؤدي الشخص الصلاة الرباعية ركعتين (حال السفر).

## الدليل على جوازه: قبل الإجماع،

قوله تعالى: ﴿وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ إِنْ خِفْتُمْ أَنْ يَفْتِنَكُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا﴾.<sup>١٢</sup>

- مثل الضرب في الأرض السفر فيها أو في البحر أو في الجو.

قال يعلى بن أمية قال: قلت لعمر بن الخطاب: ﴿إِنْ خِفْتُمْ﴾ وقد أمن الناس، فقال: عجبته مما عجبته منه فسألت رسول الله ﷺ عن ذلك، فقال: صدقة تصدق الله بها عليكم، فاقبلوا صدقته.  
[رواه مسلم]

## حكمة مشروعية القصر:

التخفيف على المسافر نظراً لما يلحقه غالباً من مشقة السفر، من ركوب ومشى وحمل أثقال وألم ناشى عن مفارقة الأهل والأوطان؛ ولذا جعله النبي ﷺ قطعة من العذاب.

<sup>١٢</sup> سورة النساء . الآية ١٠١

**Hukum Solat Qasar**

Solat qasar dengan maksu ini adalah harus dengan 10 syarat :

- 1- Musafirnya adalah bukan pada perkara maksiat.
- 2- Jarak musafir itu ketika perjalanan pergi ialah 16 farsakh mengikut pendapat yang paling tepat. Ukuran sekarang ianya menyamai sekitar 77. 232 kilometer.
- 3- Seseorang itu menqasarkan solat 4 rakaat
- 4- Seseorang itu meniatkan qasar solat ketika takbiratul ihram.
- 5- Tidak mengikut imam yang bermukim (solat tamam 4 rakaat).
- 6- Berterusan musafirnya.
- 7- Mempunyai tempat yang dituju.
- 8- Tidak melakukan perkara yang menafikan niat qasar seperti ia niat mengikut imam yang bermukim atau niat bermukim.
- 9- Musafirnya dengan tujuan yang betul seperti menziarahi kaum keluarga.
- 10- Mengetahui tentang keharusan qasar solat.

**Solat jamak**

Orang bermusafir - yang perjalannya boleh solat qasar - boleh jamak (himpun) antara solat Zohor dan Asar, solat Maghrib dan Isya' secara jamak taqdim dan ta'akhir.

**Syarat jamak taqdim**

Orang bermusafir hanya boleh Solat jamak taqdim dengan 5 syarat:

- 1- Mengikut turutan di antara dua solat tersebut iaitu memulakan dengan solat Zohor sebelum solat Asar, memulakan dengan solat Maghrib sebelum solat Isyak.
- 2- Niat jamak pada solat pertama.

**حكمه:**

القصر بهذا المعنى جائز بعشرة شروط، وهي:

- ١- أن يكون سفره في غير معصية.
- ٢- أن تكون مسافة السفر ذهاباً ستة عشر فرسخاً في الأصح وهي بالتقدير المعاصر ٧٧ ك و ٢٣٢ متراً تقريباً.
- ٣- أن يكون القاصر مؤدياً للصلاة الرباعية.
- ٤- أن ينوي المسافر القصر للصلاة مع الإحرام بها.
- ٥- ألا يأتى بمقيم
- ٦- دوام السفر.
- ٧- أن يقصد موضعاً معلوماً.
- ٨- عدم الإتيان بما ينافي نية القصر كأن ينوي الائتتمام بمقيم أو الإقامة.
- ٩- أن يكون السفر لغرض صحيح كزيارة الأقارب.
- ١٠- العلم بجواز القصر.

**ثانياً: جمع الصلاة**

يجوز للمسافر سفر قصر أن يجمع بين صلاتي الظهر والعصر، وبين صلاتي المغرب والعشاء تقديمًا وتأخيرًا.

**شروط جمع التقديم**

لا يجوز للمسافر أن يجمع جمع التقديم إلا بشروط خمسة:

- ١- الترتيب بين الصلاتين، بأن يبدأ بالظهر قبل العصر، وبالمغرب قبل العشاء.
- ٢- نية الجمع في الصلاة الأولى.

- 3- Berturutan antara solat pertama dan kedua
- 4- Masih dalam perjalanan sehingga takbiratu ihram pada solat kedua.
- 5- Sah solat pertama dengan yakin atau zan.

#### Syarat jamak ta'khir

Solat jamak ta'khir terdapat dua syarat tambahan, iaitu:

1. Niat jamak ta'khir dan niat ini dilakukan dalam waktu solat pertama.
2. Berterusan perjalanan itu sehingga selesai kedua-dua solat tersebut.

#### Solat Jamak kerana hujan

Seseorang yang bermukim atau bermusafir (perjalanan yang boleh Solat qasar) ketika hujan diharuskan jamak (himpun) antara solat Zohor dan Asar, solat Maghrib dan Isya' secara jamak taqdim dan tidak jamak ta'khir dengan 7 syarat:

1. Hujan itu membasahi bahagian atas pakaian atau bahagian bawah selipar.
2. Dimulakan dengan solat Zohor sebelum solat Asar, solat Maghrib sebelum solat Isyak.
3. Niat jamak pada solat pertama.
4. Berturut-turut di antara dua solat.
5. Hujan turun pada solat pertama dan ketika salam solat pertama serta berterusan hujan di antara dua solat itu.
6. Solat kedua dilakukan secara berjemaah di masjid yang jauh dari rumahnya mengikut pandangan 'uruf.
7. Kesukaran/kesulitan bagiorang yang pergi ke masjid dengan sebab hujan dalam perjalanannya.

٣- الموالاة بين الصلاة الأولى والثانية.

٤- دوام السفر إلى الدخول في الصلاة الثانية

٥- صحة الصلاة الأولى يقينا وظنا.

#### شروط جمع التأخير

أما جمع التأخير فيشترط فيه شيئان:

الأول: أن يكون بنية الجمع، وتكون هذه النية في وقت الصلاة الأولى.

الثاني: دوام السفر إلى فراغ الصلاتين معا.

#### الجمع بالمطر

يجوز للشخص مقيما أو مسافرا سفر قصر في وقت المطر أن يجمع بين الظهر

والعصر، وبين المغرب والعشاء، جمع تقديم لا جمع تأخير، بسبع شروط:

١- أن يبل المطر أعلى الثوب أو أسفل النعل

٢- أن يبدأ بالظهر قبل العصر، والمغرب قبل العشاء.

٣- أن ينوي الجمع في الصلاة الأولى.

٤- أن يوالى بين الصلاتين.

٥- أن يكون المطر موجودا في أولى الصلاتين وعند السلام الأولى ، واستمرار بين

الصلاتين.

٦- أن تنعقد الصلاة الثانية في جماعة بمسجد بعيدا عن داره عرفا.

٧- أن يتأذى الذهاب للمسجد بالمطر في طريقه.

## Solat Jumaat

## Hukum solat Jumaat

Solat Jumaat adalah fardu ain ke atas mereka yang memenuhi syarat-syaratnya, berdasarkan firman Allah swt:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untu ٠٩ ظنظ  
 ٠٩. Sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk  
 mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah  
 berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu  
 mengetahui (hakikat yang sebenarnya)”. (Surah Jumaat : 9)

**Bilangan rakaat solat Jumaat** adalah dua rakaat.

## Hikmat disyariatkan solat Jumat:

Masyarakat sesuatu tempat berhimpun di satu tempat sekali setiap minggu, akan melahirkan rasa kemesraan dan kasih sayang dan membangkitkan rasa kasihan belas dan saling menyayangi kerana mereka mendengar kata-kata nasihat dan hikmah yang akan melembutkan hati mereka dan perasaan mereka, juga mereka dapat mendalami ilmu agama dan dunia. Seterusnya golongan kaya akan merasa simpati terhadap golongan miskin, orang yang kuat akan membantu yang lemah.

## Syarat wajib Solat Jumaat

Syarat wajib Solat Jumaat ada 7 perkara:

1. Islam
2. Baligh (sampai usia dipertanggungjawabkan oleh syarak)
3. Berakal
4. merdeka (kebebasan sepenuhnya daripada perhambaan)
- 5 Lelaki
6. Tiada keuzuran syarak
7. Bermukim (orang yang menetap di tempat tersebut)

## Syarat sah solat Jumaat

1. Solat Jumaat didirikan di dalam bangunan tempat berhimpun orang ramai.
2. Bilangan orang yang solat Jumaat adalah 40 lelaki yang diwajibkan solat Jumaat.
3. Solat Jumaat dilaksanakan keseluruhannya pada waktu zohor.

## صلاة الجمعة

**حکمها:** صلاة الجمعة فرض عين على كل من تحققت فيه شروطها؛ لقوله تعالى:  
 ﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ  
 ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ۗ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ﴾<sup>١٣</sup>.

**عدد ركعاتها:** ركعتان.

**حكمة مشروعيتها:** إن اجتماع أهل البلد في مكان واحد مرة كل أسبوع، يوجد  
 بينهم الألفة والمودة، ويبعث فيهم التعاطف والتراحم، لما يسمعون فيه من المواعظ  
 والحكم ما يلين قلوبهم ويرق مشاعرهم، وما يثقفهم في دينهم ودنياهم، فيعطف غنيهم  
 على فقيرهم، ويعين قلوبهم ضعيفهم.

## شروط وجوبها

شروط وجوب الجمعة سبعة أشياء:

الإسلام، والبلوغ، والعقل، والحرية<sup>١٤</sup>، والذكورة، وعدم العذر، والإقامة.

## شروط صحتها

١- أن تقام الصلاة داخل أبنية المجمعين.

٢- أن يكون العدد أربعين رجلا من أهل الجمعة.

٣- أن تؤدى كلها في وقت الظهر.

<sup>١٣</sup> سورة الجمعة الآية: ٩

<sup>١٤</sup> لا وجود للرق الآن شرعا وقانونا، فبعد أن عمل الإسلام على تحرير الرقاب وجعل العتق واجبا في الكفارات  
 ومندوبا كقربى إلى الله جاء نص القانون الدولي بإلغاء نظام الرق.

**4/5. Dua khutbah :** Khatib berdiri pada kedua-dua khutbah dan duduk di antara kedua-dua khutbah itu sekadar masa toma'ninah di antara dua sujud sekiranya mampu.

6. Solat Jumaat dilaksanakan selepas dua khutbah secara berjemaah.
8. Tidak didahului atau menyamai solat Jumaat itu dengan solat jumaat lain di kawasan (mukim yang sama).

#### Rukun Khutbah Jumaat

1. Memuji Allah swt.
2. Selawat dan salam ke atas Rasulullah saw (ucapan pujian kepada Allah swt dan selawat ke atas nabi saw itu telah ditetapkan di dalam kedua-dua khutbah).
3. Memberi peringatan dengan ketaqwaan, (ketiga perkara ini perlu ada di dalam kedua-dua khutbah).
4. Membaca satu ayat yang boleh difahami pada salah satu daripada dua khutbah.
5. Mendoakan orang beriman dengan kebaikan di dalam khutbah kedua

#### Syarat dua khutbah Jumaat

1. Khatib perlu memperdengarkan kedua-dua khutbah itu kepada 40 orang yang dikira Jumaatnya.
2. Berturut-turut antara perkataan-perkataan khutbah itu dan berturut-turut antara kedua-dua khutbah, juga berturut-turut antara dua khutbah dan solat Jumaat. Sekiranya dipisahkan antar perkara tersebut dengan sesuatu yang bukan al Quran atau nasihat walaupun dengan sebab kezuran seperti tidur dan pitam, maka batal perkara tersebut.
3. Menutup aurat
4. Suci daripada hadas dan najis pada pakaian, tubuh badan dan tempat.

٥/٤ - خطبتان يقوم الخطيب فيهما ويجلس بينهما بقدر الطمأنينة بين السجدين إن استطاع.

٦- أن تصلى الجمعة بعد الخطبتين في جماعة.

٧- ألا يسبقها ولا يقارنها في التحريم جمعة أخرى في محلها.

#### أركان الخطبتين

١- حمد الله تعالى.

٢- الصلاة على رسول الله (ولفظ الحمد والصلاة متعين).

٣- الوصية بالتقوى، وهؤلاء الثلاثة في كل من الخطبتين.

٤- قراءة آية مفهومة في إحدى الخطبتين.

٥- الدعاء للمؤمنين والمؤمنات بالخير في الثانية

#### شروط الخطبتين

يشترط أن يسمع الخطيب أركان الخطبة لأربعين تنعقد بهم الجمعة كما يشترط

الموالاتة بين كلمات الخطبة، وبين الخطبتين، وبينهما وبين الصلاة، فلو فرق بين ذلك

بغير قرآن أو وعظ ولو بعذر كنوم وإغماء بطلت، ويشترط أيضا ستر العورة والطهارة

من الحدث والحبث في الثوب والبدن والمكان.

## Perkara sunat Hari Jumaat

Perkara-perkara sunat hari Jumaat banyak, antaranya:

1. Mandi, berdasarkan hadis: "Apabila seseorang itu menghadiri solat Jumaat maka hendaklah ia mandi (membersihkan diri)"
2. Memakai pakaian berwarna putih, kerana ia adalah sebaik-baik pakaian.
3. Mengerat kuku sekiranya panjang, mencukur rambut, memotong misai dan memakai wangian sekiranya bukan melakukan ihram.
4. Mendengar dengan penuh perhatian ketika khatib menyampaikan khutbah, Sabda Nabi saw: "Apabila kamu berkat kepada sahabat kamu pada hari Jumaat: "Diamlah kamu!" sedangkan khatib sedang menyampaikan khutbah, maka kamu telah lalai".
5. Membaca surah al Kahfi pada siang dan malam Jumaat, begitu juga memperbanyakkan doa dan selawat ke atas nabi saw.
6. Bersegera pergi ke masjid untuk solat Jumaat bagi selain daripada imam. Manakala imam disunatkan lewat sedikit.

\*\* Sesiapa yang masuk ke masjid sedangkan imam sedang berkhotbah, maka hendaklah dia solat dua rakaat secara ringkas kemudian duduk.

## الإجابة:

-----

-----

-----

-----

## سنن الجمعة

سنن الجمعة للجمعة كثيرة، منها:

- ١- الغسل، لحديث: "فإذا حضر أحدكم الجمعة فليغتسل".<sup>١٥</sup>
  - ٢- لبس الثياب البيض، لأنها أفضل الثياب
  - ٣- قص الأظافر إن طالت، وحلق الشعر كذلك، وقص الشارب، والتطيب إن لم يكن مُحْرِمًا.
  - ٤- الإنصات: وهو السكوت مع الإصغاء في وقت الخطبة لسماعها؛ قال ﷺ: "إذا قلت لصاحبك يوم الجمعة: أنصت والإمام يخطب فقد لغوت".<sup>١٦</sup>
  - ٥- قراءة سورة الكهف يومها وليلتها، وكذلك كثرة الدعاء، وكثرة الصلاة على النبي ﷺ.
  - ٦- المبادرة بالذهاب إليها لغير الإمام، أما هو فينززدب له التأخير.
- ومن دخل المسجد والإمام يخطب صلى ركعتين خفيفتين ثم يجلس.

## أسئلة:

ما حكم صلاة الجمعة؟ وما الدليل عليها؟ وما حكمة مشروعيتها؟ وما شروط وجوبها؟ وما شروط صحتها؟ وما أركان خطبتها؟ وما سننها؟

<sup>١٥</sup> رواه البخاري  
<sup>١٦</sup> رواه البخاري

## Solat dua hari raya

**Hukumnya:**

Solat dua hari raya (hari raya puasa dan haji) adalah **sunat muakkad** kerana nabi saw melaksanakannya. Ianya boleh dilakuakn oleh setiap orang sama ada lelaki atau perempuan.

**Waktunya :**

Waktu solat hari raya adalah antara terbit matahari dan gelincir matahari pada hari raya.

**Cara melaksanakan solat hari raya**

1. Seseorang itu solat dua rakaat dengan melafazkan takbiratul ihram dengan niat solat idil fitri atau idil adha
2. Kemudian membaca doa iftitah
3. Bertakbir pada rakaat pertama sebanyak tujuh kali selain daripada takbiratul ihram dan takbir ruku'
4. Kemudian membaca ta'awwuz dan surah al fatihah, kemudian membaca selepasnya surah (ق) atau surah (الأعلى) atau surah (الكافرون) secara nyaring.
5. Bertakbir pada rakaat kedua sebanyak lima kali selain takbir bangkit ke rakaat kedua.
6. Kemudian membaca ta'awwuz dan surah al Fatihah serta surah (القمر) atau surah (القيامة) atau surah (الإخلاص) secara nyaring.
7. Semua bacaan itu dibaca secara nyaring kecuali bacaan ta'awwuz dan doa iftitah.
8. Selepas solat hari raya, disunatkan imam menyampaikan dua khutbah hari raya seperti khutbah Jumaat. Dimulakan khutbah pertama dengan 9 kali takbir dan khutbah kedua dimulakan dengan 7 kali takbir.

**Takbir dua hari raya**

Takbir di luar daripada solat dan khutbah terdapt dua jenis:

- 1- (التكبير المرسل) : Boleh diucapkan pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh seseorang.
  - 2- (التكبير المقيد) : diucapkan selepas setiap solat.
- Takbir hari raya puasa : Ianya bermula dari matahari terbenam pada akhir bulan Ramadhan dan berakhir dengan keluarnya imam untuk solat hari raya (takbiratul ihram imam pada solat hari raya).
  - Takbir hari raya haji : Ianya bermula dari terbit fajar (solat subuh) hari Arafah hingga solat asar hari Tashriq (13 Dhu al-Hijjah)

## صلاة العيدين

**حکمها:** صلاة العيدين (الفطر والأضحى) سنة مؤكدة لفعله ﷺ ، وتصح من كل شخص ذكرًا كان أو أنثى

**وقتها:** وقت صلاة العيد ما بين طلوع الشمس وزوالها.

**كيفيتها:** ركعتان يُحْرَمُ بهما المصلي بنية عيد الفطر أو الأضحى، ويأتي بدعاء الافتتاح، ويكبر في الركعة الأولى سبعمائة غير تكبيرة الإحرام وتكبيرة الركوع، ثم يتعوذ ويقرأ الفاتحة، ثم يقرأ بعدها سورة (ق) أو سورة (الأعلى) أو سورة (الكافرون) جهرا، ويكبر في الركعة الثانية خمسا سوى تكبيرة القيام، ثم يتعوذ ويقرأ الفاتحة وسورة (القمر) أو سورة (القيامة) أو سورة (الإخلاص) جهرا في كل ما تقدم عدا التعوذ ودعاء الافتتاح، ويخطب ندبا بعد الركعتين خطبتين كخطبتي الجمعة. ويفتح الأول بالتكبير تسعا، ويفتح الثانية بالتكبير سبعا.

## التكبير للعيدين

التكبير الخارج عن الصلاة والخطبة قسمان:

١- مرسل : يقال في أي وقت شاءه الذاكر.

٢- مقيد : يقال خلف الصلوات.

- يدخل وقته في عيد الفطر بغروب شمس آخر يوم من رمضان، وينتهي بخروج الإمام إلى الصلاة.

- يدخل وقته في عيد الأضحى بطلوع فجر يوم عرفة ويستمر إلى عصر آخر يوم من أيام التشريق (الثالث عشر من ذي الحجة).

صيغة التكبير

Lafaz Takbir:

“Allah maha besar, Allah maha besar, Allah maha besar, Tiada tuhan yang sebenarnya melainkan Allah dan segala puji bagi Allah”.

Allah maha besar, segala puji bagi Allah, Maha suci Allah pagi dan petang, Tiada tuhan yang sebenarnya melainkan Allah yang maha esa. Benarlah janjinya, menolong hambaNya, memuliakan tenteraNya (dengan kemenangan) dan mengalahkan tentera bersekutu (tentera musyrikin), Tiada tuhan yang sebenarnya melainkan Allah, kami tidak mengabdikan diri kecuali hanya kepadaNya dengan penuh keikhlasan.....

-----  
-----  
-----  
-----  
-----

الله أكبر الله أكبر الله أكبر. لا إله إلا الله. الله أكبر الله أكبر والله الحمد.

الله أكبر كبيرا. والحمد لله كثيرا. وسبحان الله بكرة وأصيلا. لا إله إلا الله وحده. صدق وعده. ونصر عبده، وأعز جنده وهزم الأحزاب وحده. لا إله إلا الله ولا نعبد إلا إياه مخلصين له الدين ولو كره الكافرون.

أسئلة:

ما حكم صلاة العيدين؟ وما وقتها؟ وما كيفيتها؟ وما صيغة التكبير؟

الإجابة:

-----  
-----  
-----  
-----  
-----



### Perkara yang berkaitan dengan mayat

Setiap mukallaf perlu menguruskan perkara berkaitan mayat muslim yang bukan dalam keadaan ihram dan mati syahid sebagai fardu kifayah iaitu **4 perkara**:

- 1- Memandikan mayat
  - 2- Mengkafkannya selepas memandikannya.
  - 3- melakukan solat jenazah.
  - 4- mengebumikannya.
- Sekiranya hanya seorang sahaja yang mengetahui tentang mayat itu maka menjadi wajib ke atasnya semua perkara di atas.

Dua jenis yang tidak perlu dimandikan dan disolat jenazah :

1. Orang mati syahid dalam peperangan menentang orang kafir atau melawan golongan pemberontak (terhadap kerajaan Islam), maka ianya tidak perlu dimandikan. Namun mengkafkannya dan mengebumikannya adalah wajib.
2. Janin yang keguguran iaitu janin yang tidak cukup bulan yang belum bernyawa dan berbentuk. Namun disunatkan mengkafan dan mengebumikannya.

### Memandikan jenazah

Cara yang paling ringkas memandikan jenazah dengan meratakan air ke badannya dengan satu kali basuhan sekiranya dapat membersihkannya, Namun disunatkan dalam bilangan ganjil selepas itu.

### فصل في ما يتعلق بالميت

يلزم المكلفين في شأن الميت المسلم غير المُحرم والشهيد على سبيل فرض الكفاية أربعة أشياء:

١- غسله.

٢- تكفينه بعد غسله

٣- الصلاة عليه

٤- دفنه

- إن لم يعلم بالميت إلا واحد تعيّن عليه ما ذكر.

### اثنان لا يغسلان ولا يصلى عليهما:

- ١ الشهيد في المعركة مع المشركين أو مع البغاة فلا يغسل، أما تكفينه ودفنه فواجبان.
- ٢- السقط وهو المولود قبل تمام أشهر الحمل الذي لم تظهر حياته ولا تخلّقه، ويسن تكفينه ودفنه.

### غسل الميت

أقل غسل الميت تعميم بدنه بالماء مرة واحدة إن حصل الإنقاء بها، ويسن الإيتار<sup>١٧</sup> بعد ذلك.

<sup>١٧</sup> الإيتار: أن يغسله وترا.

### Mengkafankan Jenazah

cara mengkafankan jenazah yang paling ringkas adalah dengan sehelai kain yang menutup seluruh badan jenazah, kecuali kepala jenazah lelaki yang meninggal ketika berihram dan wajah jenazah perempuan yang meninggal ketika berihram. Kafan itu daripada jenis pakaian yang dipakai oleh si mati semasa hidupnya.

### Solat Jenazah ke atas mayat

1. Solat Jenazah ada 4 takbir beserta takbiratul ihram. Wajib disertakan niat pada takbir pertama. Jika lebih daripada 4 takbir solat jenazah itu tidak batal, namun jika imam bertakbir lebih daripada 4 takbir maka makmum tidak perlu mengikutinya bahkan ia perlu memberi salam atau menanti imam untuk memberi salam bersamanya dan itulah yang lebih baik.
2. kemudian seseorang itu membaca surah al Fatihah selepas takbir pertama, harus membaca surah al Fatihah selepas takbir selain takbir pertama.
3. membaca selawat ke atas nabi saw selepas takbir kedua, hukumnya wajib dan tidak memadai selepas takbir yang lain daripada takbir kedua. Selawat yang paling ringkas ialah (اللهم صل على سيدنا محمد).
4. Mendoakan jenazah selepas takbir ketiga, hukumnya wajib dan tidak memadai selepas takbir yang lain daripada takbir ketiga.
5. Memberi salam selepas takbir keempat dan tidak diwajibkan apa-apapun selepas takbir keempat.  
Doa yang paling ringkas untuk jenazah ialah (اللهم اغفر له)

### Mengebumikan jenazah

Jenazah wajib dikebumikan di dalam liang lahad atau lubang yang menghadap ke arah kiblat.

**lalahad** ialah kawasan yang digali di bahagian bawah sisi kubur sekadar muat jenazah dan menutupnya selepas digali kubur sedalam 4 hasta setengah dengan ukuran hasta manusia.

**Syaqq** ialah kawasan yang digali di tengah lubang kubur seperti parit air dan ditinggikan kedua-dua bahagian sisinya kemudian diletakkan jenazah di antara dua bahagian sisinya. seterusnya ditutup di atasnya.

### تكفين الميت

أقل الكفن ثوب واحد يستر جميع بدن الميت، إلا رأس المُحرم ووجه المُحرمة. ويكون الكفن من جنس ما يلبس الشخص في حياته.

### الصلاة على الميت

الصلاة على الميت أربع تكبيرات بتكبيرة الإحرام، ويجب اقتران النية بالتكبيرة الأولى، ولو زاد على الأربع لم تبطل، لكن لو زاد إمامه لم يتابعه بل يسلم أو ينتظره ليسلم معه وهو أفضل، ويقرأ المصلى الفاتحة بعد التكبيرة الأولى، ويجوز قراءتها بعد غيرها، ويصلي على النبي ﷺ وجوبا بعد الثانية، فلا تجزئ بعد غيرها، وأقل الصلاة عليه: (اللهم صل على سيدنا محمد)، ويدعو للميت بعد الثالثة وجوبا، فلا تجزئ بعد غيرها، ويسلم بعد الرابعة ولا يجب بعد الرابعة شيء، وأقل الدعاء للميت: (اللهم اغفر له).

### دفن الميت

يدفن الميت وجويا في لحد أو شق مستقبل القبلة.

**اللحد:** ما يحفر في أسفل جانب القبر قدر ما يسع الميت ويستتره، بعد أن بعمق القبر نحو أربعة أذرع ونصف بذراع الآدمي.

**الشق:** كان يحفر في وسط القبر كالنهر ويبنى جانبا ويوضع الميت بينهما، ويسقف عليه.

Mengebumikan jenazah di dalam lian lahad itu lebih baik berbanding mengebumikan lubang tengah kubur sekiranya tanah perkuburan itu keras.

Sunat mengebumikan jenazah dalam keadaan mengiring di sebelah lambung kanannya dan wajahnya mengadap kiblat. Setelah ditutupi jenazah makan ditimbus kubur itu dengan tanah.

### Menangis terhadap mayat

Menangis terhadap mayat tanpa meninggikan suara adalah harus sebelum berlakunya kematian. Perkara yang lebih baik adalah meninggalkannya ketika seseorang itu sedang menghadapi kematian dan selepas kematian. Tindakan menangis terhadap orang mati adalah menyalahi perkara yang lebih baik.

Haram mencarit-caritkan pakaian, menampar pipi, memukul dada, menghitamkan wajah dan pakaian dan seumpamanya yang menafikan perasaan redha terhadap ketentuan dan ketetapan Allah swt; kerana sabda nabi saw: "Bukanlah di kalangan kami, orang yang menamparkan pipi dan mencarit pakaian dan menyebut ungkapan-ungkapan jahiliah".

### Ucapan Takziah

Takziah ialah menyuruh agar bersabar, memberi galakan dengan dijanjikan pahala oleh Allah swt, mendoakan keampunan kepada si mati dan kepada orang yang ditimpa ujian ini agar diganti dengan balasan yang lebih baik.

Sunat bagi seseorang mengucapkan takziah kepada ahli keluarga si mati sebelum dikebumikan jenazah dan selepasnya. Tempoh takziah berterusan selama 3 hari selepas dikebumikan, sekiranya orang yang mengucapkan takziah dan orang yang menerima ucapan takziah itu ada. Makruh hukumnya jika mengulangi ucapan takziah.

الدفن في اللحد أفضل من الدفن في الشق إن كانت الأرض صلبة.

يندب أن يدفن على جنبه الأيمن ووجهه للقبلة، وبعد أن يسقف عليه يهال عليه التراب.

### البكاء على الميت

البكاء على الميت من غير رفع صوت جائز قبل الموت، والأولى تركه عند الاحتضار وبعد الموت، فيكون فعله خلاف الأولى.

يُحرم شق الثياب، ولطم الحدود، وضرب الصدور، وتسويد الوجه والثياب، ونحو ذلك مما ينافي الرضا بالقضاء والقدر؛ لقوله ﷺ: "ليس منا من لطم الحدود وشق الجيوب ودعا بدعوى الجاهلية".<sup>١٨</sup>

### التعزية

التعزية هي الأمر بالصبر، والحث عليه بوعده الأجر، والدعاء للميت بالمغفرة، وللمصاب بجبر المصيبة.

يسن للشخص أن يعزي أهل الميت قبل الدفن وبعده، ويستمر زمنها ثلاثة أيام من بعد دفنه إن كان كلٌّ من المعزّي، والمعزّي حاضرًا، ويكره تكرارها.

<sup>١٨</sup> رواه البخاري